

Mahkamah syariah akan terus diperkasakan - PM

UM - 30/9/2020 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

SEPANG: Kedudukan mahkamah syariah di negara ini akan terus dipertahan dan diperkasakan kerana ia menjadi tonggak institusi kehakiman dan perundangan syariah demi mendokong syiar Islam.


Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) sentiasa komited dalam menyokong usaha-usaha yang menyumbang ke arah meninggikan martabat institusi berkenaan.

Menurut beliau, ini termasuk melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap bidang kuasa mahkamah syariah, perjawatan hakim-hakim syarie dan profesionalisme pegawai-pegawai mahkamah dari semasa ke semasa.

“Saya percaya penambahbaikan secara berterusan akan dapat melonjakkan imej institusi kehakiman dan perundangan syariah dalam menangani kes-kes yang semakin kompleks dan mencabar serta memenuhi keperluan masyarakat Islam secara keseluruhannya,” katanya.

Muhyiddin berkata merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara 2020 di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli



MUHYIDDIN Yassin (dua dari kanan) merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020 di Sepang semalam. Turut kelihatan Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (kiri) dan Mohd. Na'im Mokhtar (dua dari kanan). - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Mohamad Al-Bakri dan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, Datuk Mohd. Na'im Mokhtar.

Persidangan bertemakan “Aplikasi Maqasid al-Syar’iyyah: Ke Arah Pembudayaan Norma Baharu Dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah” itu menghimpunkan 580 peserta pegawai syariah seluruh negara seperti Brunei, Indonesia dan Singapura.

Perdana Menteri menyeru Jabatan Kehakiman Syariah

mengambil inisiatif mengadakan forum yang berperanan sebagai medium pertukaran maklumat dan amalan terbaik institusi kehakiman syariah yang boleh dikongsi bersama dengan negara-negara serantau.

Kata beliau, melalui forum itu, perbincangan ilmiah mengenai fungsi maqasid syariah di negara-negara serantau dapat diadakan secara berterusan dalam membantu kerajaan dan pihak berkuasa agama negeri-

negeri mendapatkan penjelasan berhubung isu-isu syarak yang kadangkala rumit untuk ditangani secara bersendirian.

“Saya sedar bahawa tugas dan tanggungjawab para hakim syarie dan pegawai syariah berat dalam menegakkan hukum berlandaskan syariat Islam.

“Bagaimanapun, anda semua hendaklah menjalankan tanggungjawab itu dengan penuh amanah, intergriti sehingga ia berjaya diselesaikan,” kata Perdana Menteri.